

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, kementeriannya mahu mengubah persepsi masyarakat bahawa plastik mempunyai potensi yang besar kepada ekonomi jika diuruskan dengan baik menggunakan teknologi terkini.

“Di negara maju lain, plastik dikitar semula dan ia sebenarnya memberi manfaat besar kepada ekonomi dan kementerian mahu masyarakat menggunakan peluang yang ada untuk menjana pendapatan.

“Tetapi dalam masa sama, kita perlu memandang serius isu alam sekitar yang timbul jika pengurusan sisa plastik ini tidak dilaksanakan dengan baik sehingga memberi impak negatif kepada negara,” katanya.